

Pelaporan Berita Buli dalam Akhbar *Broadsheet* Utusan Malaysia dan Tabloid Berita Harian di Malaysia

Mohamed Afiq Amani Mohamed Nahdirsha
Rani Ann Balaraman*

Universiti Sains Malaysia

*Emel perhubungan: rani_balaraman@usm.my

Abstrak

Laporan Numbeo (2018) meletakkan Malaysia di tangga ketiga di Asia dalam kategori negara tidak selamat akibat peningkatan kes jenayah seperti jenayah buli. Tahun 2017, Malaysia telah dikejutkan dengan dua kes buli yang meragut nyawa Pegawai Kadet Laut, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Zulfarhan Osman Zulkarnain dan T. Nhaveen, remaja berusia 18 tahun. Kedua-dua kes ini telah menarik perhatian pelbagai pihak terutamanya media yang memberikan pelaporan secara kritikal berkaitan kes buli. Kajian ini dilakukan bertujuan melihat bagaimana berita buli dipersembahkan dalam akhbar broadsheet dan tabloid di Malaysia. Dua buah akhbar yang mewakili akhbar broadsheet iaitu Utusan Malaysia dan tabloid iaitu akhbar Berita Harian telah dipilih sebagai sampel kajian. Aspek yang dikaji adalah termasuk mengenal pasti atur letak berita, tajuk berita, kepanjangan berita, gambar dan sumber pelaporan berita buli sepanjang tempoh lima tahun kajian iaitu dari tahun 2014 hingga 2018. Hasil kajian mendapati kedua-dua jenis akhbar telah memberikan pelaporan yang sedikit terhadap isu buli. Kebanyakan berita yang dipaparkan hanya dimuatkan di bahagian dalam dengan menggunakan tajuk berita informatif, memetik sumber daripada keselamatan dan ketenteraman awam serta menyetengahkan gambar bersaiz 1/4 halaman, untuk mempersembahkan berita buli kepada pembaca mereka.

Kata Kunci: Analisis kandungan, *Broadsheet*, Buli, Jenayah, Tabloid

Coverage of Bullying News in Broadsheet and Tabloid Newspapers in Malaysia

Abstract

The Numbeo (2018) report puts Malaysia in third place in Asia in the category of insecure countries due to the increase in criminal cases and among the criminal cases that are given attention is the crime of bullying. In 2017, Malaysia was outraged by two cases of bullying that claimed the lives of Marine Cadet Officers, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Zulfarhan Osman Zulkarnain and T. Nhaveen, both 18-year-old teenagers as a result of being bullied. Both cases have attracted the attention of various parties especially the media which provides critical reporting for both of these cases. This study was conducted to see how bullying news is presented in broadsheet and tabloid newspapers in Malaysia. Two newspapers representing the broadsheet newspaper, Utusan Malaysia, and the tabloid, Berita Harian newspaper, were selected as the study sample. Aspects studied include identifying news positioning, news headlines, news length, pictures, and sources of bullying news reporting during the five years of study from 2014 to 2018. The results of the study found that both type of newspapers have given little reporting on issues of bullying. Most of the news featured were only loaded on the inside using informative headlines, citing sources from security and public order as well as highlighting 1/4 page size, to present bullying news to their readers.

Keywords: *Broadsheet, Bullying, Content Analysis, Crime, Tabloids*

Pengenalan dan Latar Belakang Kajian

Malaysia merangka Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) yang meliputi enam teras dan 21 strategi dengan tujuan menangani isu jenayah dan cabaran utama keselamatan negara. Bagaimanapun, Malaysia masih tidak terlepas daripada isu jenayah yang memberikan kesan terhadap keselamatan rakyatnya. Jenayah buli misalnya merupakan masalah yang baru dan satu bentuk keganasan yang paling kerap berlaku di seluruh dunia (Orpinas & Horne, 2006).

Buli dilihat sebagai tingkah laku yang agresif terhadap seseorang individu dan dilakukan secara berulang kali. Ia menyasarkan seseorang yang lemah dan tidak dapat mempertahankan diri. Buli menunjukkan ketidakseimbangan kuasa antara mangsa dan pembuli (Smith & Brain, 2000). Ia juga didefinisikan sebagai perbuatan mengasari golongan yang lemah bagi menunjukkan kekuatan dengan memastikan mangsa mengikut setiap arahan pembuli (Azizi et al., 2007). Buli juga dianggap sebagai tingkah laku ganas yang memberi kesan negatif terhadap mangsa yang tidak memiliki kuasa (Haadi, 2013).

Buli merangkumi pelbagai bentuk kekerasan termasuk menendang, menumbuk, memukul seseorang dengan tujuan mendapatkan sesuatu seperti wang ringgit. Secara umumnya, terdapat dua jenis buli yang biasa berlaku iaitu buli fizikal dan buli psikologikal. Buli fizikal melibatkan kekerasan terhadap tubuh badan seseorang sehingga membawa kecederaan manakala buli psikologikal melibatkan cemuhan, sindiran dan hinaan yang menjatuhkan air muka seseorang (Farayantie, 2006).

Dalam konteks Malaysia, meskipun isu buli telah lama membelenggu negara ini namun ia tidak mendapat perhatian yang serius. Bagaimanapun, kejadian yang menimpa dua orang remaja lelaki yang dibuli sehingga maut pada tahun 2017 menjadi titik tolak kes buli mula mendapat perhatian rakyat di negara ini. Kedua-dua mangsa iaitu Pegawai Kadet Laut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Zulfarhan Osman Zulkarnain dan T. Nhaveen maut setelah dibuli secara keterlaluan. Kedua-dua kes ini mendapat liputan meluas media pada tahun berkenaan.

Rentetan dari dua kejadian berkenaan, jenayah buli di Malaysia dilihat sebagai barah yang merebak dengan senyap dan perlu dirawat dengan segera. Ia bukan sahaja memberi kesan secara fizikal malah boleh membawa trauma yang keterlaluan dan memberi kesan pada perkembangan akademik, keyakinan diri dan boleh membawa pada keinginan untuk membunuh diri (Wilson, 2006).

Kajian Lepas

Kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa buli merupakan salah satu bentuk jenayah keganasan (Slee, 2003). Ia merupakan fenomena yang tidak asing dalam bidang klinikal, pendidikan dan kajian akademik (Olweus, 1993). Menurut Noran (2004), tidak terdapat banyak kajian yang dijalankan bagi meneliti permasalahan buli meskipun statistik menunjukkan angka yang amat membimbangkan melibatkan pelajar sekolah (Rujuk Jadual 1). Kajian beliau mendapati 95.8% pelajar sekolah menengah dan 82.7% pelajar sekolah rendah menjadi mangsa buli verbal di negara ini. Bagi buli fizikal pula sebanyak 65.3% pelajar di sekolah menengah menjadi mangsa berbanding 56% pelajar sekolah rendah.

Jadual 1: Statistik kes buli di peringkat sekolah di seluruh Malaysia

Tahun	Bilangan Kes
2008	3,107
2009	2,889
2010	2,617
2011	Tiada Rekod
2012	4,159
2013	4,120
2014	2,906
2015	3,011
2016	3,448
2017 (sehingga Jun)	872
Jumlah	27,129

Sumber: Kementerian Pendidikan (2017)

Beberapa kajian yang dijalankan mengenai topik ini mendapati kes buli di Malaysia agak membimbangkan walaupun belum mencapai tahap bahaya. Kajian *Bullying Among Elementary School Children in Malaysia (2014)* contohnya menunjukkan 79.4% pelajar mempunyai pengalaman sebagai mangsa buli, 53.2% menjadi pembuli manakala 49.4% menjadi mangsa buli dan pembuli. Ramai kanak-kanak yang terlibat dalam buli

verbal iaitu 82.7% berbanding fizikal sebanyak 56% (Yaakub et al., 2004). Selain itu, kajian perbandingan fenomena buli melibatkan 410 pelajar tahun enam daripada tujuh buah sekolah rendah di Kuala Lumpur menunjukkan buli merupakan perlakuan yang biasa berlaku. Dapatan kajian menunjukkan 41.2% pelajar sekolah rendah telah menjadi mangsa buli manakala 17.6% yang menjadi mangsa buli pula berubah menjadi pembuli (Wan et al., 2009).

Kajian yang dijalankan Latif (2005) terhadap 480 pelajar di Johor menunjukkan 22.7% pelajar menjadi mangsa buli sekurang-kurangnya sekali, 2.5% pelajar dibuli sekali dalam tempoh seminggu, 5.6% dibuli sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sebulan dan 11.9% dibuli sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh setahun. Mahadi (2007) mendapati buli verbal paling dominan berlaku dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) diikuti buli fizikal dan anti-sosial.

Sementara itu, kajian Azizi et al. (2008) mendapati buli fizikal dan verbal paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan serta Selangor. Manakala Junainor et al. (2016) mendapati buli dalam kalangan pelajar sekolah rendah di Malaysia yang belajar di sekolah luar bandar khususnya di kawasan perladangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) mendapati 37.3% sering menjadi mangsa buli verbal dan fizikal.

Jenayah dan media mempunyai perkaitan yang kuat kerana ia amat dekat dengan realiti sosial dalam masyarakat (White, 2006). Analisis kandungan terhadap enam media cetak dan tiga media elektronik menunjukkan secara puratanya sembilan berita jenayah diterbitkan oleh media cetak dan empat berita jenayah disiarkan oleh media elektronik setiap hari (Chermak, 1997). Kajian lepas menunjukkan jenayah merupakan topik yang popular dalam pelaporan berita (Jewkes, 2015; Surette, 2015) dan jenayah keganasan paling digemari dalam pelaporan media (Beale, 2006). Ia termasuk kes-kes pembunuhan (Rhineberger-Dunn et al., 2008).

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas memberikan tumpuan terhadap pelaporan berita jenayah kerana ia lebih memenuhi citarasa pembaca berbanding jenis berita yang lain. Kajian-kajian lepas turut menunjukkan jenayah keganasan lebih menonjol di dalam akhbar berbanding jenayah lain. Bagaimanapun, tidak ada kajian yang meneroka jenayah keganasan secara spesifik seperti buli di dalam akhbar sedangkan ia antara isu yang semakin membimbangkan.

Kepentingan dan Sumbangan Kajian

Kajian ini amat penting untuk dilaksanakan bagi menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan korpus ilmu kewartawanan jenayah di Malaysia. Kajian perbandingan akhbar *broadsheet* dan tabloid mengenai buli dapat menjadi rujukan yang bermanfaat bagi para pengkaji dalam bidang kewartawanan jenayah di Malaysia. Kajian ini juga dapat membantu pengamal media dalam mengetahui dengan lebih mendalam mengenai landskap dan corak pelaporan berita jenayah seperti isu buli dalam kedua-dua jenis akhbar di Malaysia. Melalui penelitian terhadap hasil kajian ini, para pengamal media dapat menambah baik kualiti pelaporan berita jenayah pada masa akan datang. Penambahbaikan terhadap kualiti pelaporan berita jenayah di Malaysia dapat memberikan manfaat kepada pembaca akhbar di Malaysia untuk mendapatkan berita yang berkualiti dan bermutu tinggi.

Hipotesis Kajian

Secara umumnya, terdapat lima hipotesis yang dikemukakan dalam kajian ini iaitu:

H1: Terdapat perhubungan antara atur letak berita buli dan jenis akhbar yang terpilih.

H2: Terdapat perhubungan antara tajuk berita buli dan jenis akhbar yang terpilih.

H3: Terdapat perhubungan antara kepanjangan berita buli dan jenis akhbar yang terpilih.

H4: Terdapat perhubungan antara gambar yang digunakan dan jenis akhbar yang terpilih.

H5: Terdapat perhubungan antara sumber yang digunakan dalam pelaporan berita buli dan jenis akhbar yang terpilih.

Metodologi

Analisis kandungan telah dipilih sebagai kaedah kajian kerana ia amat sesuai dalam memahami kandungan media secara tersirat. Bagi menjalankan analisis kandungan, dua jenis akhbar telah dipilih sebagai sampel kajian iaitu akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. Kedua-dua akhbar ini dipilih kerana ia mempunyai jumlah sirkulasi yang tinggi di Malaysia. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *Audit Bureau of Circulations Malaysia*, pada Julai hingga Disember 2017, sirkulasi akhbar *Utusan Malaysia* adalah sebanyak 115,830 naskhah manakala sirkulasi *Berita Harian* adalah sebanyak 91,648.

Analisis ini hanya berfokuskan kepada berita buli bagi tempoh Januari 2014 hingga Disember 2018, setelah mengambil kira faktor kekinian kajian dan peningkatan statistik kes buli yang berlaku. Pemilihan tempoh ini juga disebabkan jumlah sampel berita buli fizikal yang diterbitkan sebelum tahun 2014 adalah dalam jumlah yang amat sedikit.

Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian termasuklah atur letak berita, tajuk berita, kepanjangan berita, gambar dan sumber berita buli dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*.

Jumlah pelaporan berita buli

Sebanyak 110 berita buli telah dikumpul dan dianalisis daripada kedua-dua jenis akhbar dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2018. Berdasarkan Jadual 2, daripada jumlah keseluruhan berita buli yang dilaporkan dalam kedua-dua akhbar ini, sebanyak 58 (52.7%) berita buli dilaporkan dalam akhbar *Berita Harian*, manakala sebanyak 52 (47.3%) berita buli telah dipaparkan dalam akhbar *Utusan Malaysia*. Dapatan ini menunjukkan bahawa liputan berita buli yang dihasilkan oleh akhbar tabloid adalah lebih tinggi berbanding akhbar *broadsheet*. Kedua-dua akhbar mencatatkan berita kes buli yang paling tinggi pada tahun 2017 iaitu sebanyak 27 (57.4%) berita buli dalam akhbar *Berita Harian* dan akhbar *Utusan Malaysia* pula sebanyak 20 (42.6%) berita buli.

Jadual 2: Jumlah pelaporan berita buli

Tahun	Bilangan Berita		Jumlah
	Utusan Malaysia	Berita Harian	
2014	5 (71.4%)	2 (28.6%)	7 (6.4%)
2015	8 (50.0%)	8 (50.0%)	16 (14.5%)
2016	7 (43.8%)	9 (56.2%)	16 (14.5%)
2017	20 (42.6%)	27 (57.4%)	47 (42.7%)
2018	12 (50.0%)	12 (50.0%)	24 (21.9%)
Jumlah	52 (47.3%)	58 (52.7%)	110 (100%)

Atur letak berita buli

Hasil kajian juga mendapati bahawa kedua-dua akhbar ini banyak memuatkan berita buli di halaman dalam akhbar berbanding di halaman hadapan (Jadual 3). *Berita Harian* merekodkan jumlah yang tinggi iaitu sebanyak 46 berita (51.1%) di bahagian dalam akhbar dan akhbar *Utusan Malaysia* sebanyak 44 berita (48.9%). Jadual 3 menunjukkan pelaporan berita buli adalah kurang dimuatkan di halaman hadapan dan belakang dalam kedua-dua akhbar ini.

Jadual 3: Atur letak berita buli

Atur Letak Berita	Utusan Malaysia	Berita Harian	Jumlah
Halaman hadapan	6(46.2%)	7(53.8%)	13(11.8%)
Halaman dalam	44(48.9%)	46(51.1%)	90(81.8%)
Halaman belakang	2(28.6%)	5(71.4%)	7(6.4%)

Tajuk berita buli

Tajuk interpretif bermaksud tajuk yang membawa sudut pandangan wartawan dan editor manakala tajuk informatif merupakan tajuk yang memberikan maklumat mengenai berita yang dihasilkan (Alaggapar, 2009). Secara keseluruhannya, didapati kedua-dua akhbar ini banyak

melaporkan tajuk berita secara informatif berbanding tajuk berita interpretif (Jadual 4). Akhbar *Berita Harian* mencatatkan tajuk berita buli informatif sebanyak 32 (53.3%) berbanding *Utusan Malaysia* sebanyak 28 (46.7%).

Jadual 4: Tajuk berita buli

Tajuk Berita	Utusan Malaysia	Berita Harian	Jumlah
Informatif	28(46.7%)	32(53.3%)	60(54.5%)
Interpretif	24(48.0%)	26(52.0%)	50(45.5%)

Kepanjangan berita

Bagi kepanjangan berita buli, Jadual 5 menunjukkan kedua-dua akhbar mencatatkan jumlah tertinggi bagi panjang artikel antara 401-800 patah perkataan (Sederhana). Sebanyak 35 berita iaitu 52.2% dari akhbar *Berita Harian* mencatatkan kepanjangan yang sederhana. Manakala akhbar *Utusan Malaysia* sebanyak 32 berita (47.8%). Dapatan menunjukkan kedua-dua jenis akhbar menghasilkan berita buli dalam kategori panjang dalam jumlah yang amat sedikit.

Jadual 5: Kepanjangan berita buli

Kepanjangan Berita	Utusan Malaysia	Berita Harian	Jumlah
1-400 perkataan (Pendek)	7(46.7%)	8(53.3%)	15(100%)
401-800 perkataan (Sederhana)	32(47.8%)	35(52.2%)	67(100%)
801-1200 perkataan (Panjang)	13(46.4%)	15(53.6%)	28(100%)

Gambar

Bagi kategori penggunaan gambar pula, Jadual 6 menunjukkan kedua-dua jenis akhbar cenderung memuatkan gambar berita buli bersama pelaporan berita. Akhbar *Berita Harian* paling banyak menyertakan gambar berita buli iaitu sebanyak 45 keping gambar (51.7%) berbanding akhbar *Utusan Malaysia* iaitu sebanyak 42 keping gambar (48.3%) sepanjang tempoh kajian. Selain itu, bagi penggunaan saiz gambar pula didapati bahawa kedua-dua akhbar ini cenderung menerbitkan gambar berita buli bersaiz 1/4 halaman berbanding saiz-saiz yang lain. Akhbar *Berita Harian* memuatkan gambar bersaiz 1/4 halaman paling banyak iaitu sebanyak 30 keping gambar (50.8%) berbanding akhbar *Utusan Malaysia* iaitu 29 keping gambar (49.2%).

Jadual 6: Penggunaan gambar berita buli

Penggunaan Gambar	Utusan Malaysia	Berita Harian	Jumlah
Ada	42(48.3%)	45(51.7%)	87(79.1%)
Tiada	10(43.5%)	13(56.5%)	23(20.9%)
Saiz Gambar			
1/2 halaman	1(50.0%)	1(50.0%)	2(2.3%)
1/3 halaman	1(50.0%)	1(50.0%)	2(2.3%)
1/4 halaman	29(49.2%)	30(50.8%)	59(67.8%)
1/6 halaman	11(45.8%)	13(54.2%)	24(27.6%)

Sumber berita

Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua jenis akhbar cenderung menggunakan dua jenis sumber berita dalam melaporkan berita buli (Jadual 7). Dalam konteks ini, akhbar *Berita Harian* mencatatkan penggunaan dua sumber berita sebanyak 36 (51.4%) berbanding akhbar *Utusan Malaysia* iaitu sebanyak 34 (48.6%). Selain itu, bagi jenis sumber berita yang digunakan pula, hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua jenis akhbar cenderung menggunakan sumber berita daripada bahagian keselamatan dan ketenteraman awam. Akhbar *Berita Harian* mencatatkan penggunaan tertinggi sumber berita jenis ini iaitu sebanyak 58 (52.7%) berbanding akhbar *Utusan Malaysia* 52 (47.3%). Selain itu,

kedua-dua akhbar ini juga menggunakan sumber berita daripada saksi kejadian, sumber tidak dikenali dan lain-lain sumber tetapi dalam jumlah yang amat sedikit.

Jadual 7: Kekerapan penggunaan sumber berita

Kekerapan Sumber Berita	Utusan Malaysia	Berita Harian	Jumlah
Satu sumber	9(42.9%)	12(57.1%)	21 (19.1%)
Dua sumber	34(48.6%)	36(51.4%)	70(63.6%)
Lebih daripada dua sumber	9(47.4%)	10(52.6%)	19(17.3%)
Jenis Sumber Berita			
Pemimpin/ Wakil kerajaan	9(53.0%)	8(47.0%)	17(7.8%)
Pemimpin/ Wakil institusi pendidikan	8(47.1%)	9(52.9%)	17(7.8%)
Pemimpin/ Wakil institusi perundangan	10(41.7%)	14(58.3%)	24(11.1%)
Mangsa/ Ibu bapa/ Waris/ Ahli keluarga	18(47.4%)	20(52.6%)	38(17.4%)
Sumber keselamatan/ Ketenteraman awam	52(47.3%)	58(52.7%)	110(50.5%)
Saksi kejadian	2(50.0%)	2(50.0%)	4(1.8%)
Sumber tidak dikenali	2(50.0%)	2(50.0%)	4(1.8%)
Lain-lain	3(75.0%)	1(25.0%)	4(1.8%)

Pengujian hipotesis: Ujian khi kuasa dua

Ujian khi kuasa dua (χ^2) digunakan bagi menguji hipotesis kajian dengan dibantu oleh nilai Cramer's V bagi menunjukkan korelasi bagi ujian hipotesis untuk perhubungan antara angkuh-angkuh terpilih. Berdasarkan Jadual 8, bagi hipotesis pertama, hipotesis nul gagal ditolak kerana nilai $\chi^2 = 1.083$, $df = 2$, $p > 0.05$ (*Cramer's V = .099*) adalah kecil. Tambahan pula, nilai korelasi adalah teramat rendah. Hal ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan antara atur letak berita buli dan jenis akhbar yang terpilih. Jadi H1 ditolak kerana hasil kajian tidak menyokongnya.

Bagi hipotesis kedua, hasil ujian khi kuasa dua pula mendapati hipotesis nul ditolak dengan nilai $\chi^2 = 4.276$, $df = 1$, $p < 0.05$ (*Cramer's V = .197*) yang signifikan. Nilai korelasi adalah rendah tetapi bermakna. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dan perhubungan antara tajuk berita buli dan jenis akhbar yang terpilih. Ini bermakna bahawa terdapat

perbezaan antara akhbar *Utusan Malaysia* dengan *Berita Harian* dalam mengutarakan tajuk berita mengenai buli dalam akhbar masing-masing. Justeru, hipotesis 2 disokong apabila terdapat perhubungan antara tajuk berita dengan jenis akhbar yang terpilih.

Seterusnya, hasil ujian juga menunjukkan hipotesis nul ditolak bagi hipotesis ketiga dengan nilai $\chi^2 = 6.817$, $df = 2$, $p < 0.05$ (*Cramer's V* = .249) yang signifikan. Ia membuktikan bahawa terdapat perbezaan antara kedua-dua jenis akhbar yang dipilih serta terdapat juga perhubungan antara kepanjangan berita buli dan jenis akhbar yang terpilih. Khususnya, akhbar *Berita Harian* memaparkan kepanjangan berita buli lebih banyak daripada akhbar *Utusan Malaysia*. Jadi, hipotesis 3 disokong apabila terdapat perhubungan antara kepanjangan berita dengan jenis akhbar yang terpilih.

Selain itu, ujian khi kuasa dua juga menunjukkan hipotesis nul turut ditolak bagi hipotesis keempat dengan nilai $\chi^2 = 12.718$, $df = 1$, $p < 0.05$ (*Cramer's V* = .340) yang signifikan. Keputusan ini menunjukkan terdapat perhubungan antara gambar yang digunakan dan jenis akhbar yang terpilih. Ini menunjukkan bahawa *Berita Harian* lebih memuatkan gambar berbanding dengan *Utusan Malaysia*. Oleh itu, dirumuskan bahawa H4 disokong yang mana terdapat perhubungan antara penggunaan gambar dengan jenis akhbar yang terpilih.

Di samping itu, didapati hasil ujian khi kuasa dua gagal menolak hipotesis nul bagi hipotesis kelima dengan nilai $\chi^2 = 0.217$, $df = 2$, $p > 0.05$ (*Cramer's V* = .044). Hal ini membuktikan bahawa tidak terdapat perhubungan antara sumber berita yang digunakan dalam pelaporan berita buli dengan jenis akhbar yang terpilih. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua akhbar iaitu *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* menggunakan sumber berita yang sama banyak. Jadi, H5 ditolak yang mana tidak terdapat perhubungan antara penggunaan sumber berita dengan jenis akhbar yang terpilih.

Jadual 8: Ujian Khi Kuasa Dua bagi

Penyataan Hipotesis	χ^2	df	p	Cramer's V
H1: Terdapat perhubungan antara atur letak berita buli dan jenis akhbar yang terpilih.	1.083	2	0.582	.099
H2: Terdapat perhubungan antara tajuk berita buli dan jenis akhbar yang terpilih.	4.276	1	0.038	.197
H3: Terdapat perhubungan antara kepanjangan berita buli dan jenis akhbar yang terpilih.	6.817	2	0.017	.249
H4: Terdapat perhubungan antara gambar yang digunakan dan jenis akhbar yang terpilih.	12.718	1	0.019	.340
H5: Terdapat perhubungan antara sumber yang digunakan dalam pelaporan berita buli dan jenis akhbar yang terpilih.	0.217	2	0.900	.044

Nota: $p < .05$ menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan

$$\text{Cramer's V} = \sqrt{\chi^2 / NM} =$$

Yang mana N = jumlah bilangan berita = 110

M = kategori darjah kebebasan yang terendah (df) = 1

Perbincangan

Kajian ini membuktikan bahawa akhbar *broadsheet* dan tabloid di Malaysia kurang memberikan tumpuan terhadap pelaporan isu buli apabila hanya 110 berita buli diterbitkan sepanjang tempoh lima tahun kajian ini dijalankan. Keadaan ini amat berkait rapat dengan agenda organisasi media dan pelbagai faktor lain seperti kekangan ruang dan kekuatan berita itu sendiri. Dapatan ini selari dengan kajian Fayez et al. (2016) dan Jaclyn (2016) yang menunjukkan sebahagian besar jenayah tidak dilaporkan kerana media lebih memberikan tumpuan kepada jenayah berat dan sensasi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa

pola pelaporan berita buli dalam tempoh lima tahun tidak pernah berubah. Hal ini amat dipengaruhi oleh faktor nilai berita buli yang menjadi kayu ukur wartawan jenayah dalam melaporkan sesebuah berita. Faktor ini bertepatan dengan pendapat Jewkes (2015) yang menyatakan berita jenayah amat bergantung kepada kekuatan nilai berita sebelum ia dipilih untuk diterbitkan.

Dapatan kajian turut menunjukkan akhbar *Berita Harian* menghasilkan pelaporan berita buli lebih tinggi berbanding akhbar *Utusan Malaysia*. Dapatan ini agak mengejutkan memandangkan kajian-kajian lepas mendefinisikan akhbar tabloid sebagai akhbar popular yang gemar menerbitkan berita-berita santai dan ringan bagi memenuhi keperluan kumpulan sasaran mereka iaitu golongan muda dan mereka yang tidak memiliki tahap pendidikan tinggi (Rowe, 2011). Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Sparks (2000) serta Ornebring dan Jonsson (2004) yang melihat kecenderungan akhbar tabloid melaporkan isu yang ringan, santai dan amat mementingkan keuntungan semata-mata.

Kedua-dua jenis akhbar cenderung memuatkan berita buli di halaman dalam berbanding halaman hadapan. Ia memperlihatkan bahawa berita buli tidak mempunyai daya tarikan yang kuat berbanding berita-berita jenayah lain bagi membolehkannya dimuatkan di halaman hadapan. Dapatan ini selari dengan kajian Oyero (2011) yang menyatakan berita yang dimuatkan di halaman hadapan dalam sesebuah akhbar ditentukan oleh kekuatan dan daya tarikan yang dimiliki berita tersebut. Malah, berita yang dimuatkan di halaman hadapan berpotensi menarik pembaca untuk membacanya secara berulang kali berbanding berita di halaman dalam dan belakang (Carol & McCombs, 2003).

Selain itu, tajuk berita bertindak sebagai pelopor kepada sesebuah pelaporan berita (Javed dan Mahmood, 2011). Tajuk menggambarkan rumusan tentang berita yang dilaporkan dan ia berperanan untuk menarik perhatian pembaca. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua jenis akhbar cenderung menghasilkan tajuk berita buli secara informatif berbanding interpretif. Hal ini menunjukkan bahawa akhbar tabloid dan *broadsheet* memberi penekanan terhadap tajuk berita yang mempunyai input, jelas dan berterus terang bagi memudahkan pembaca memahaminya.

Dapatan ini agak menarik memandangkan ia bertentangan dengan kajian Laura (2017) yang melihat bahawa akhbar tabloid gemar menghasilkan tajuk berita yang panjang dan rumit berbanding akhbar broadsheet yang cenderung menerbitkan tajuk berita yang lebih pendek dan jelas.

Kajian menunjukkan, secara keseluruhannya, kedua-dua jenis akhbar cenderung menghasilkan berita buli diantara 400-801 perkataan (sederhana panjang). Ini menunjukkan kedua-dua jenis akhbar tidak meletakkan ciri-ciri kepanjangan berita tertentu dalam melaporkan berita buli. Dapatan ini selari dengan kajian Kristina (2009) yang menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang ketara antara kepanjangan ayat dan kerumitan ayat untuk akhbar tabloid dan *broadsheet*. Dapatan ini juga memperlihatkan berita buli mempunyai kekuatannya yang tersendiri tetapi tidak sekuat berita-berita jenayah yang lain sehingga membolehkannya dilaporkan dengan panjang lebar.

Pembaca akan mengingati gambar berbanding penulisan dan kebiasaannya berita diterbitkan disebabkan oleh faktor gambar yang menarik (Newton, 2001). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua jenis akhbar cenderung menggunakan gambar bersama-sama berita buli. Keadaan ini menunjukkan kedua-dua akhbar tersebut melihat gambar sebagai aspek penting dalam mengukuhkan pelaporan berita buli. Dapatan ini selari dengan kajian Vilashini et al. (2010) yang menyatakan bahawa gambar amat penting kerana ia dapat mengukuhkan lagi pelaporan sesebuah berita seterusnya dapat menarik minat pembaca. Jika diteliti daripada aspek penggunaan saiz gambar, kajian ini mendapati bahawa kedua-dua akhbar juga cenderung menerbitkan gambar bersaiz suku ($1/4$) halaman berbanding saiz-saiz yang lain.

Gambar bersaiz ini boleh disimpulkan sebagai saiz yang sederhana. Penggunaan gambar bersaiz sederhana ini mungkin berkait rapat dengan faktor ruang dan strategi akhbar dalam menonjolkan isu buli. Ia selari dengan kajian Nils (2004) yang menyatakan saiz gambar sederhana lebih memberikan kesan positif terhadap pemikiran pembaca.

Seterusnya, sumber berita digunakan untuk membuktikan bahawa setiap maklumat yang disalurkan kepada pembaca mempunyai autoriti

dan kredibilitinya. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua jenis akhbar cenderung menggunakan sekurang-kurangnya dua sumber dalam melaporkan berita buli. Keadaan ini menunjukkan kedua-dua jenis akhbar mencerminkan orientasi berita yang aktif dalam membenarkan kepelbagaian pandangan untuk didedahkan kepada pembaca. Ia selari dengan pendapat Rodney et al. (2013) yang menyatakan penggunaan lebih daripada satu sumber berita menunjukkan orientasi media yang aktif kerana wartawan dapat menghasilkan lebih banyak maklumat untuk diketengahkan kepada pembaca.

Malah, penggunaan pelbagai sumber berita membolehkan sesebuah media menyemak ketepatan fakta, membawa lebih banyak variasi dan keseimbangan terhadap berita yang dihasilkan. Dapatan kajian ini menunjukkan kedua-dua jenis akhbar menggunakan sumber keselamatan dan ketenteraman awam sebagai sumber utama untuk mendapatkan berita dan diikuti dengan sumber-sumber lain untuk mengukuhkan berita buli. Keadaan ini menunjukkan terdapatnya hubungan antara pemilihan sumber berita dengan maklumat yang ingin disampaikan kepada pembaca. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Zuwairi et al. (2016) bahawa pemilihan sumber berita amat bergantung kepada kelayakan dan kesesuaiannya dalam membincangkan sesuatu isu yang diketengahkan.

Rumusan

Hasil kajian membawa kesimpulan bahawa kedua-dua jenis akhbar telah memaparkan berita buli dalam jumlah yang amat sedikit sepanjang tahun 2014 hingga 2018. Tetapi walaupun berita yang disiarkan boleh dikategorikan sedikit, ia mampu menyampaikan informasi berguna dan mendidik pembaca berkenaan isu buli yang semakin membimbangkan di negara ini. Adalah wajar sekiranya kedua-dua jenis akhbar dan akhbar-akhbar lain di negara ini dapat membuat liputan dengan lebih kerap terhadap kes-kes buli yang berlaku di negara ini pada masa akan datang sebagai satu sumbangan untuk memberikan pendedahan bahaya jenayah buli kepada masyarakat. Dicadangkan juga supaya berita buli yang dihasilkan dalam akhbar-akhbar ini diterbitkan di halaman hadapan bagi memperlihatkan keseriusan isu jenayah ini dalam kalangan masyarakat negara ini.

Rujukan

- Abdul Latif Ahmad (2005). *Persepsi guru dan pelajar terhadap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah daerah Batu Pahat* (Disertasi PhD tidak diterbitkan): Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Alagappar, P. N. (2009). Language in India: Strength for today and bright hope for tomorrow. 9(1), 24-47.
- Amin Al Haadi Shafie (2013). *Intervensi Kaunseling Kelompok Terapi Tingkah laku Kognitif dalam Membantu Mangsa Buli di Sekolah* (Disertasi PhD tidak diterbitkan): Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Azizi, Y., Shahrin, H., Jamaludin, R., Yusof, B., & Abdul Rahim, H., (2007). *Menguasaipenyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi, Y., Shahrin, H., Sharif, M., & Zurhana, M. (2008). *Indeks perlakuan buli di kalangan pelajar-pelajar di sekolah menengah dan rendah di Malaysia*. Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Carroll, C.E., & McCombs, M.E. (2003). Agenda-setting effects of business news on the public's images and opinions about major corporations. *Corporate Reputation Review*, 6(1), 36-46.
- Chermak, S. (1997). The Presentation of drugs in the news media: The news sources involved in the construction of social problems. *Justice Quarterly*, 14, 687-718.
- Fayez, M., Adnan H. M., & Sarmiti, N. S. (2016). A study of crime reporting by two Malaysian English newspapers. *Malaysian Journal of Media Studies*, 18 (1), 56-65.
- Jacklyn, S. (2016). Mass murder and the mass media: Understanding the construction of the social problem of mass shootings in the U.S. *Journal of Qualitative Criminal Justice & Criminology*, 4(1), 1-41.
- Javed, S., & Mahmood, M. (2011). A critical discourse analysis of the news headlines of budget of Pakistan. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, 3(5), 120-129.

- Junainor, H., Salleh, A. R., Suliadi, F. S., & Mohd, K. (2016). Buli di kalangan pelajar sekolah rendah luar bandar: Kajian kes di kawasan FELDA utara Kedah Perlis, Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(1), 113-125.
- Jewkes, Y. (2015). *Media and crime* (2nd ed.). London: Sage.
- Kristina, H. (2009). Newspaper readability - *A broadsheet vs. a tabloid*. Thesis. Department of Humanities and Social Sciences. Hogskolan Gavles.
- Laura, A. J. (2017). Evaluation in the headlines of tabloids and broadsheets: A comparative study. Dalam Breeze, R. Ines, O. (Penyt.), *Evaluation in media discourse: European perspectives*. Berlin: Peter Lang.
- Mahadi Khalid (2007). *Tingkah laku buli dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak* (Disertasi sarjana tidak diterbitkan): Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia: Skudai Johor.
- Newton, J. (2001). *The burden of visual truth-the role of photojournalism in mediating reality*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Nils, H. (2004). *Eye movement patterns and newspaper design factors. An experimental approach*. Thesis. Lund University Cognitive Science.
- Noran, F. Y. (2004). Tingkah laku buli di sekolah: Apa yang boleh kita lakukan. Paper presented at *The Third Principle Conference*. Universiti Malaya.
- Noran, F. Y. (2004). Insiden buli di kalangan pelajar sekolah menengah: Implikasi kepada pengurusan sekolah. Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-11 di Universiti Malaya.
- Nurul Farayantie Mohd Shahid (2006). *Kajian masalah buli pelajar di sekolah menengah* (Latihan ilmiah tidak diterbitkan): Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan Sarawak.
- Olweus, D. (1993a). Victimization by peers: Antecedents and long-term outcomes. Dalam K.H.Rubin & J. B. Asendorf (Penyt.), *Social withdrawal, inhibition, shyness in childhood*. Hillsdale, N.J.: Erlbaum.

- Olweus, D. (1993b). *Bullying at school: What I know and what we can do*. Oxford, UK: Blackwell.
- Orpinas, P., & Horne, A. M. (2006). *Bullying prevention: Creating a positive school climate and developing social competence*. American Psychological Association.
- Oyero, O. (2011). Institutionalising children journalism education in Nigerian media and communications studies. *Global Media Journal African Edition*, 5(1),97-114.
- Rhineberger-Dunn, G. M., & Rader, N. E. (2008). Constructing juvenile delinquency through crime drama: An analysis of Law & Order. *Journal of Criminal Justice and Popular Culture*, 15(1), 94-116.
- Rodney, T., Paul, J., David R., Toril, A., Sharon, C., James, C., Kaori, H., Shanto, I., Gianpietro, M., Stylianos, P., Hernando, R., & Stuart, S., (2013). *Sources in the news: A comparative study*. *Journalism Studies*, 15(4),374-391.
- Rowe, D. (2011). Obituary for the newspaper? Tracking the tabloid. *Journalism: Theory, Practice & Criticism*, 12 (4), 449-466.
- Slee, R. (2003) Teacher education, government and inclusive schooling: The politics of the Faustian waltz. Dalam J. Allan (Penyt.) *Inclusion, participation and democracy: What is the purpose?* London: Kluwer Academic Press.
- Smith, P. K., & Brain, P. F. (2000). Bullying in schools: Lessons from two decades of research. *Aggressive Behavior*, 26, 1-9.
- Sparks, C. (2000). Introduction: Panic over tabloid news. Dalam Sparks, C. & Tulloch, J. (Penyt.), *Tabloid tales: Global debates over media standards*. New York: Rowman and Littlefield.
- Surette, R. (2015). Performance crime and justice. *Current Issues in Criminal Justice*, 27(2): 195-216.
- Vilashini, S., Azizah, H., Yahya, M., & Azliana, A. A. (2010). Liputan berita tentang Indonesia di Malaysia: Analisis kandungan Utusan Malaysia dan Berita Harian. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*,12(2), 53-67.
- Wan-Salwina, W. I., Nik, R. N. J., Hatta, S., Marhani, M., & Shamsul, A. S. (2014). Why do young adolescents bully? Experience in Malaysian schools. *Comprehensive Psychiatry*, 55,114-120.

- White, J. R. (2006). *Terrorism and homeland security*. Belmont, CA: Thomson Wadsworth.
- Zuwairi, M., Normah, M., Abdul, L., & Badrul, R. (2016). Pemilihan dan autoriti sumber berita bingkai pilihan raya di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 32(1), 561-579.